



# **BUKU PERKHIDMATAN**

## **MAKMAL PATOLOGI ORAL**

**HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**



**EDISI KE TUJUH (2022)**

**DISEDIAKAN OLEH :  
DR. NURHAYU AB RAHMAN  
DR. MASITAH HAYATI HARUN  
HASWATI @ NURHAYATI ABDULLAH**

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Isi Kandungan	1
1.0 Pengenalan	2
1.1 Lokasi Makmal	3
1.2 Carta Organisasi	4
2.0 Polisi Kualiti	5
2.1 Objektif Kualiti Makmal Perubatan Hospital USM	5
2.2 Petunjuk Kualiti Makmal Patologi Oral	5
3.0 Jenis Perkhidmatan	6
3.1 Waktu Operasi	6
4.0 Maklumbalas Pelanggan	7
4.1 Nombor untuk dihubungi	7
5.0 Prosedur Pengendalian dan Penghantaran Spesimen Tisu	8
5.1 Kriteria Penolakan Spesimen	9
6.0 Permohonan Kes Segera	
6.1 Tatacara Permohonan	9
6.2 Tindakan Makmal	9
6.3 Laporan Lisan	9
7.0 Laporan	
7.1 Laporan Histopatologi	10
7.2 Laporan Tambahan Laporan Histopatologi	10
7.3 Perolehan Semula Laporan Histopatologi	10
7.4 <i>Clinico-Pathological Conference (CPC)</i>	10
Lampiran	
Lampiran 1 : Carta Alir Proses Kerja Makmal Patologi Oral	11
Lampiran 2 : Oral Pathology Request Form (OPRF)	12
Lampiran 3 : Borang Maklumbalas Pelanggan	14

## 1.0 PENGENALAN

Makmal Patologi Oral telah ditubuhkan pada tahun 2013. Pada awal penubuhannya, Makmal ini dikenali sebagai Makmal Sains Kraniofasial yang terbahagi kepada dua bahagian : iaitu perkhidmatan diagnostik patologi oral dan penyelidikan. Bermula pada tahun 2013, bahagian perkhidmatan diagnostik telah diwujudkan secara berasingan di bawah sistem pengurusan kualiti yang baru dan dikenali sebagai Makmal Patologi Oral, manakala bahagian penyelidikan kekal dengan nama Makmal Sains Kraniofasial.

Perkhidmatan diagnostik yang ditawarkan sejak penubuhannya adalah perkhidmatan asas histopatologi iaitu melibatkan 'Routine Histopathological Examination' (HPE). Pada awal peringkat awal perkhidmatan, hanya terdapat seorang Pakar Patologi Oral yang bertugas, yang juga merupakan pensyarah pergigian di Pusat Pengajian Sains Pergigian yang pada ketika itu baru diwujudkan pada tahun 1999. Staf sokongan gunasama pada ketika itu pula seramai 2 orang.

Pada bulan Jun 2011 sehingga April 2012, perkhidmatan diagnostik patologi oral yang dikendalikan oleh Makmal Sains Kraniofasial pada ketika itu telah dihentikan sementara kerana Pakar Patologi Oral yang sedia ada telah berhijrah. Pada bulan Mei 2012, perkhidmatan diagnostik ini telah diteruskan kembali dengan kepulangan dua orang Pakar Patologi Oral yang baru.

Sepanjang pengendalian oleh pengurusan Makmal Sains Kraniofasial, bahagian perkhidmatan diagnostik telah mendapat persijilan audit dari SIRIM iaitu MS ISO 9001:2008. Walaubagaimanapun setelah penubuhan Makmal Patologi Oral secara berasingan, pihak pengurusan baru telah menggunakan pakai standard MS ISO 15189 yang didapati lebih sesuai dengan status makmal yang memberikan perkhidmatan diagnostik kepada pesakit.

## 1.1 LOKASI MAKMAL PATOLOGI ORAL

Buat masa ini, walaupun Makmal Patologi Oral telah diwujudkan secara berasingan daripada segi pengurusan, namun makmal ini masih lagi terletak di tempat yang sama dengan Makmal Sains Kraniofasial iaitu Tingkat 1, Bangunan Pusat Pengajian Sains Pergigian, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan.

Sebarang urusan surat-menyurat, boleh dihantar ke alamat di bawah :

**Makmal Patologi Oral  
Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM)  
Tingkat 1, Pusat Pengajian Sains Pergigian  
16150 Kubang Kerian  
Kelantan, Malaysia**




## 1.2 CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI

### MAKMAL PATOLOGI ORAL



PUSAT PENGAJIAN SAINS PERGIGIAN, KAMPUS KESIHATAN, USM



[www.dental.usm.my](http://www.dental.usm.my)

## 2.0 POLISI KUALITI

“Makmal perubatan Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM) bertekad untuk mengamalkan nilai profesionalisme demi memastikan tahap perkhidmatan makmal memenuhi kehendak pelanggan mengikut tahap antarabangsa. Makmal perubatan HUSM juga beriltizam untuk mengamalkan dan sentiasa menambahbaik sistem pengurusan kualiti ke arah kecemerlangan perkhidmatan dan kesejahteraan pelanggan ”

*“The Hospital University Sains Malaysia (HUSM) medical laboratories are committed to practice good professionalism and ensure the standard of laboratory services satisfies the expectation of customers in accordance with international standard. The laboratories pledge to maintain and continually improve its quality management system in order to ensure excellence in the provision of the laboratory services and patients’ safety ”.*

## 2.1 OBJEKTIF KUALITI MAKMAL PERUBATAN HOSPITAL USM

NO.	QUALITY OBJECTIVES
1	At least 80% of laboratories achieve their rejection rate according to their quality indicator
2	At least 80% of complaints are attended with corrective actions taken within 2 months
3	At least 80% of participations in proficiency testing are satisfactory for all accredited scope
4	At least one awareness programme on the quality system conducted at department level in a year

## 2.1 PETUNJUK KUALITI MAKMAL PATOLOGI ORAL

BIL	PROSES	PETUNJUK KUALITI
1	Pre-examination	Bilangan sampel yang ditolak kurang daripada 10%
2	Examination	Pencapaian skor bagi ujian EQA tidak kurang daripada 2.5
3	Post-examination	80% daripada keseluruhan keputusan ujian histopatologi dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut: a. Kes rutin (biasa) dalam tempoh 10 hari bekerja b. Kes rutin (rumit) dalam tempoh 20 hari bekerja c. Kes segera (biasa) dalam tempoh 5 hari bekerja d. Kes segera (rumit) dalam tempoh 15 hari bekerja

### Nota:

- ❖ Melibatkan prosedur tambahan seperti hirisan bersiri / dekalsifikasi / pewarnaan khusus / pewarnaan imunohistokimia / konsultasi lanjutan dan kes-kes luar HUSM.
- ❖ \*Pewarnaan khusus dan imunohistokimia dilakukan di Makmal Patologi Hospital Universiti Sains Malaysia.

### 3.0 JENIS PERKHIDMATAN

Makmal Patologi Oral memberikan perkhidmatan diagnostik seperti berikut:-

**FIELD OF MEDICAL TESTING: HISTOPATHOLOGY (ORAL PATHOLOGY)**

**SCOPE OF ACCREDITATION:**

Specimen Tested	Type of Tests/ Properties Measured	Test Method, Specification/ Equipment/Techniques Used
Surgical Oral Pathology (Formalin Fixed)	Histology Examination (Routine HPE)	Specimen Preparing and Staining as Documented in HUSM/OPATH/QP-02 and HUSM/OPATH/QP-02/STM-01

Perkhidmatan diagnostik di sediakan kepada pesakit yang dirawat di:

a) Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)

1. Klinik Pakar Pergigian (KPP-G)
2. Klinik Rawatan Keluarga (Pergigian) (KRK-G)
3. Klinik Pembelajaran Pergigian (Poliklinik A,B,C,D)
4. Bilik bedah (OT), wad-wad dan klinik-klinik lain dalam Hospital USM

b) Hospital lain – kes-kes rujukan

Makmal juga menerima spesimen / slaid / blok tisu daripada hospital awam dan swasta untuk kes rujukan.

### 3.1 WAKTU OPERASI

- a) Hari Ahad sehingga Rabu : 8.10 am - 4.55 pm
- b) Hari Khamis : 8.10 am - 4.30 pm
- c) Hari Jumaat, Sabtu, cuti umum dan kelepasan am\* : Tutup

\*Penetapan cuti umum dan kelepasan am tertakluk kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia.

## 4.0 MAKLUMBALAS PELANGGAN

Segala pertanyaan, aduan dan cadangan daripada pesakit atau staf hospital boleh dibuat dengan menghubungi Pengarah Makmal / Pegawai Maklumbalas Pelanggan, Makmal Patologi Oral di sambungan 5780.

Staf hospital juga boleh mengisi borang (HUSM/LCD/QP- 09/R1) dan dihantar ke kaunter makmal. Segala maklumbalas adalah dihargai dan akan diambil tindakan mengikut prosedur yang ditetapkan (Maklumbalas dan Cadangan Pelanggan - HUSM/LCD/QP-09).

## 4.1 NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI

Pakar Patologi Oral / Pakar Patologi

NAMA	EMAIL	TELEFON
Dr. Masitah Hayati Harun	<a href="mailto:masitahh@usm.my">masitahh@usm.my</a>	09-7675813
Dr. Nurhayu Ab. Rahman	<a href="mailto:nurhayu@usm.my">nurhayu@usm.my</a>	09-7675816

Kaunter penerimaan spesimen : 09-7675780 / 5781



## 5.0 PROSEDUR PENGENDALIAN DAN PENGHANTARAN SPESIMEN TISU

- a) Permohonan hendaklah menggunakan borang Oral Pathology Request Form (OPRF-RM046/03/14). Borang ini boleh didapati di kaunter klinik masing-masing atau boleh hubungi pihak makmal pada sambungan 5780.
- b) Segala maklumat klinikal seperti penemuan ekstraoral dan intraoral, Pulp Sensibility Test dan radiografi (PA, BW, OPG, CT-Scan, MRI, CBCT), keputusan makmal yang berkaitan dan diagnosis klinikal hendaklah diisi dalam borang OPRF .
- c) Sewaktu pemberian anestetik setempat, elakkan mencucuk terus ke dalam lesi. Ini akan merosakkan tisu dan margin tisu dan menyebabkan kesukaran memberi diagnosis yang tepat.
- d) Tisu hendaklah dipegang oleh benang sutur atau *non-toothed tissue forceps* agar *crush artifact* dapat dielakkan. Biopsi tisu menggunakan *elecrocautery* hendaklah dielakkan kerana ini kan menyebabkan *coagulative necrosis artifact* pada tisu biopsi. Saiz sampel juga mestilah tidak terlalu kecil bagi mengelakkan tidak cukup tisu untuk diproses/dilaporkan.
- e) Bagi lesi yang besar/tidak *homogenous, multiple site biopsy* hendaklah dilakukan dan dimasukkan ke dalam botol berasingan dan dilabel dengan jelas pada botol spesimen dan borang OPRF.
- f) Tisu yang telah dibiopsi hendaklah dimasukkan ke dalam bekas spesimen yang disediakan (mengandungi 10% *buffered formalin* dengan nisbah 1 bahagian tisu : 10 bahagian formalin).
- g) **BEKAS SPESIMEN PERLU DILABEL DENGAN TEPAT SELARI DENGAN MAKLUMAT YANG DIISI DALAM BORANG OPRF. SILA SEMAK NAMA DAN NOMBOR PENDAFTARAN PESAKIT PADA BEKAS SPESIMEN DAN BORANG OPRF.**
- h) Nama, tandangan, nombor telefon untuk dihubungi dan cop *clinician* yang memohon ujian perlu diisi dengan lengkap.

## 5.1 KRITERIA PENOLAKAN SPESIMEN

1. *The test requested is not offered by the laboratory.*
2. *Type of test requested is not specified.*
3. *Patient's name/identification not written on the form.*
4. *No request form is submitted.*
5. *The requester's name/contact number/signature/stamp is not written on the form.*
6. *Patient identification mismatch (between request form and sample).*
7. *Specimen received unlabelled.*
8. *Specimen incorrectly labelled.*
9. *Insufficient sample volume\* Improper fixation\*.*
10. *Inadequate clinical information/clinical diagnosis not provided.*

## 6.0 PERMOHONAN KES SEGERA

### 6.1 TATACARA PERMOHONAN

- a) Permohonan hanya boleh dibuat oleh doktor yang merawat. Kes berkenaan mestilah diberitahu melalui telefon kepada Pakar Patologi Oral bertugas terlebih dahulu.
- b) Pastikan ruangan 'Type of Case – Urgent' ditanda. Nama doktor yang memohon, tarikh dan masa permohonan dicatatkan pada borang permohonan (OPRF) oleh doktor yang merawat.
- c) Staf yang bertugas perlu cop URGENT pada borang OPRF dan Buku Penerimaan Spesimen.
- d) Sekiranya terdapat spesimen yang dikenalpasti sebagai kes segera berdasarkan diagnosis oleh Pakar Patologi Oral, perlu cop Maklumat kepada Clinician (MKC) di atas borang OPRF sebelum laporan lisan diberikan.
- e) Tempoh masa keputusan diketahui adalah 5 hari bekerja, kecuali jika kes itu tergolong kes rumit / memerlukan ujian lanjutan (keputusan dalam tempoh 15 hari bekerja).
- f) Pemantauan Turnaround Time (TAT) kes segera dilakukan oleh Timbalan Pengurus Kualiti / Pengurus Teknikal / Pengurus Kualiti / Pengarah Makmal.

### 6.2 TINDAKAN MAKMAL

Setiap permohonan kes segera hendaklah diberi keutamaan di setiap peringkat (penerimaan, pemprosesan dan pengeluaran laporan histopatologi).

### 6.3 LAPORAN LISAN

- a) Keputusan boleh diberikan secara lisan oleh Pakar Patologi Oral bertugas dan semua maklumat penyampaian keputusan itu dicatatkan dalam laporan histopatologi termasuk tarikh dan masa penyampaian, serta nama penerima laporan tersebut.
- b) Laporan histopatologi secara lisan bagi semua kes segera hanya boleh disampaikan kepada doktor yang merawat. Staf kategori lain tidak dibenarkan menerima laporan tersebut untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan kesilapan.

## 7.0 LAPORAN

### 7.1 LAPORAN HISTOPATOLOGI

- a) Laporan histopatologi yang telah siap akan disahkan oleh Pakar Patologi Oral yang bertugas.
- b) Pihak wad / klinik akan dihubungi untuk pengambilan laporan histopatologi .
- c) Pihak wad / klinik boleh mengetahui sama ada laporan histopatologi telah siap atau belum dengan menghubungi talian 09-7675780.
- d) Laporan histopatologi hanya akan diserahkan secara manual. Wakil yang menerima laporan histopatologi perlu menandatangani buku *despatch* sebagai bukti penerimaan.
- e) Hanya doktor yang merawat yang terlibat sahaja yang boleh memaklumkan laporan histopatologi kepada pesakit.
- f) Penyimpanan laporan histopatologi ke dalam folder pesakit berkenaan adalah tanggungjawab doktor yang merawat yang terlibat.
- g) Bagi kes-kes kecemasan / kes segera, pihak makmal akan menghubungi klinik / wad sekiranya *TAT (Turn Around Time)* telah melebihi masa yang telah ditetapkan.

### 7.2 LAPORAN TAMBAHAN LAPORAN HISTOPATOLOGI

Sebarang maklumat tambahan ke atas laporan histopatologi yang telah dilaporkan akan dimaklumkan kepada pemohon dengan kadar segera oleh pihak makmal. Laporan ujian tambahan (*supplementary report*) akan dikeluarkan bagi kes-kes yang terlibat.

### 7.3 PEROLEHAN SEMULA LAPORAN HISTOPATOLOGI

Pihak wad / klinik perlu mengisi buku rekod (PPSG/MPO/024) untuk mendapatkan kelulusan daripada Pengarah Makmal sekiranya memerlukan semula laporan histopatologi makmal yang telah dilaporkan.


### 7.4 CLINICO-PATHOLOGICAL CONFERENCE (CPC)

Pihak *clinician* boleh membuat permohonan untuk diadakan *CPC* bagi kes-kes yang diperlukan dengan mengisi Borang Permohonan CPC melalui perkhidmatan Google Form dengan mengimbas kod QR berikut:



Cadangan tarikh, masa dan tempat boleh dinyatakan juga pada borang tersebut.

CARTA ALIR PROSES KERJA MAKMAL PATOLOGI ORAL





**ORAL PATHOLOGY LABORATORY**  
**School of Dental Sciences**

USM Kampus Kesihatan, 16150 Kubang Kerian, Kelantan  
 Tel: 09-7675780 / 09-7675781

Date & Time Received: \_\_\_\_\_

Lab No: \_\_\_\_\_

**ORAL PATHOLOGY REQUEST FORM**

Name :		
Date of Birth :	Ethnicity :	R/N :
Gender :	Telephone No. :	I/C NO :
Address:		
Unit : <input type="checkbox"/> KRK-G <input type="checkbox"/> KPP-G <input type="checkbox"/> OT <input type="checkbox"/> POLY (A/B/C/D) <input type="checkbox"/> Others : _____		

Previous Examination : Yes / No      Pathology No. : \_\_\_\_\_

Previous Pathological Diagnosis : \_\_\_\_\_

Clinical Information : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(Please draw on the next page where applicable)

Radiographic Findings : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_




Clinical Diagnosis : \_\_\_\_\_

Nature of Specimen : \_\_\_\_\_

Type of Case :	
(i) Routine <input type="checkbox"/>	
(ii) Urgent <input type="checkbox"/>	Name of Pathologist notified : _____
	Date notified : _____ Time notified : _____
Examination required :	Attending Doctor : _____
Date & Time of Specimen Collection :	(Signature & Stamp)
	Contact No. : _____ Date : _____

*Specimen will not be accepted unless the above particulars are provided*

ORAL PATHOLOGY REQUEST FORM



(For lab use only)

Is the specimen container properly labeled?	Yes <input type="checkbox"/>	No <input type="checkbox"/>
Is the specimen properly fixed?	Yes <input type="checkbox"/>	No <input type="checkbox"/>
		Received by:  



HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

BORANG MAKLUMBALAS PELANGGAN

Pengarah Makmal \_\_\_\_\_  
 Hospital Universiti Sains Malaysia  
 16150 Kubang Kerian  
 Kelantan.

Cara aduan disampaikan:  
 Lisan  
 Bertulis  
 E-mel

Tarikh: \_\_\_\_\_  
 Masa: \_\_\_\_\_

A. Tajuk Perkara: \_\_\_\_\_  
 B. Komen / Aduan / Cadangan:

\_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

Tandatangan Pengadu (jika berkaitan) :  
 Nama Pengadu :  
 Alamat Lengkap Pengadu :  
 No. Telefon Pengadu :

Jika aduan melalui E-mel / Lisan :  
 Nama Penerima Maklumbalas :  
 Jawatan Penerima Maklumbalas :  
 Tandatangan Penerima Maklumbalas :

Nota: Setiap maklumbalas yang beralamat lengkap akan dijawab dengan sebaik mungkin. Terima kasih di atas maklumbalas anda.

Untuk kegunaan makmal / unit  Tak wajar (Aduan ditutup)  
 Wajar (Rujuk Borang Tindakan Pembetulan)

Nama & Tandatangan PMP:	Disahkan oleh KJ/PM:
Tarikh:	Tarikh: